

Penyiksaan

Pelbagai bentuk penderaan fizikal yang dilakukan oleh pihak Jepun. Contohnya di Simunjan, ada yang dipaksa minum air sabun, kemudian perutnya dipijak-pijak supaya air tersebut keluar. Sementara di Serian pula, ada seorang lelaki badannya ditindih di antara dua tiang belian. Tiang yang di atas dibuat jongkang jongkit, tetapi orang tersebut bernasib baik kerana tidak menemui ajal, sebab beliau dikhabarkan kuat dan kebal. Di Serian juga ketika hendak membuat dua tiang jambatan Batang Sadong, telah dibuat *semah*, dengan mengorbankan dua orang manusia. Tiang sebelah kanan mudik, seorang bernama Ingkas berasal dari Madak. Beliau ditangkap kerana membunuh Cina *belampo* (berniaga menggunakan perahu); dan tiang sebelah kiri pula seorang Cina. Pada malam penyemahan dilakukan, ramai orang di situ, ketika mangsa-mangsa menjerit, orang ramai akan turut menjerit sama, untuk menghilangkan bunyi jeritan mangsa tadi. Walaupun begitu, kerja penyemahan manusia itu dapat juga dijalankan. Kebetulan pula pada malam tersebut, Puan Ponden binti Samsudin, isteri informan dilahirkan. Mengikut kad pengenalan beliau, ia berlaku pada 19 Januari 1944.

Jepun telah memegang pemerintahan di Sarawak dalam tempoh lebih daripada tiga tahun. Kesengsaraan yang diakibatkan olehnya lebih banyak diingati. Gedong tidak terkecuali daripada kesan tersebut. Walaupun begitu kesengsaraannya lebih kepada yang berbentuk kehidupan harian, dan bukannya berbentuk kesengsaraan penderaan fizikal. Oleh yang demikian secara amnya, bagi mereka yang mengalami dan sudah mengerti akan kehidupan ketika itu, mereka akan sentiasa mengingati zaman Pemerintahan Jepun sebagai zaman kesengsaraan dan kekejaman.

Era Pemerintahan British

Pemerintahan British di Sarawak bermula setelah berakhirnya zaman perang, iaitu Perang Dunia Kedua. Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pernah mendapat tentangan dalam kalangan rakyat Sarawak yang ingin berkerajaan sendiri. Namun demikian, penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British menjadi kenyataan apabila pelantikan Gabenor pertama British di Sarawak, Sir Charles Aden Clarke yang dilantik pada Oktober 1948 hingga Oktober 1949. Gabenor kedua British di Sarawak ialah Duncan Stewart pada November 1949 hingga Disember

1949. Sir Anthony Abell telah dilantik sebagai Gabenor ketiga British di Sarawak pada April 1950 hingga Januari 1960 dan pada Februari 1960 hingga September 1963, Sir Alex Waddel. Sir Alex Waddel merupakan Gabenor British terakhir semasa era pemerintahan British di Sarawak.

Pada tahun 1955, kawasan Serian telah dipisahkan daripada Daerah Sadong untuk mewujudkan sebuah daerah baharu dikenali sebagai Daerah Serian. Pada masa yang sama, daerah Sadong telah ditukar kepada daerah Simunjan. Nama Sadong telah digunakan sejak dari zaman penguasaan James Brooke di Kuala Sadong selama 102 tahun. Pertukaran nama tersebut telah dilakukan ketika melihat kepesatan ekonomi yang berlaku di Simunjan serta peranan sebagai pusat pentadbiran daerah. Manakala daerah Simunjan telah wujud pada tahun 1901, dan masih disebut dengan nama daerah Sadong dan Simunjan sebagai pusat pentadbiran. Pertukaran ini juga didasari oleh faktor melicinkan sistem pentadbiran pihak kerajaan. Kerajaan telah mewujudkan dua buah daerah kecil, di daerah Samarahan, iaitu daerah kecil Asajaya (Nonok) dan daerah kecil Sadong Jaya (Pendang) di daerah Simunjan.

Gedong merupakan kawasan yang terletak di Kuala Batang Sadong yang terletak dalam kawasan bahagian Samarahan. Bahagian Samarahan terbentuk pada 24 Julai 1986, dan secara rasminya keluar daripada Bahagian Kuching. Bahagian Samarahan yang wujud ini telah menggabungkan tiga daerah utama, iaitu Simunjan, Serian dan daerah Samarahan. Pada tahun penguasaan kerajaan Kolonial British di Sarawak, pentadbiran daerah Sadong berpecah menjadi daerah Sadong Hilir dan daerah Sadong Hulu.

Peristiwa Bersejarah di Gedong

Kisah: *Tanjong Penaga Dilanggar Musuh*

Peristiwa hitam ini berlaku ketika pemerintahan Datuk Patinggi Julak Ali bin Abang Karim (Pedin) dan Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim bin Abang Amit. Ia disebabkan oleh perselisihan antara Datuk Bandar Mohamad Kassim di Sadong (Gedong) dengan orang dari Batang Saribas. Lokasi Tanjong Penaga di Batang Sadong terletak di sebelah hilir Gedong dan di sebelah (hulu) Lubok Punggor. Namun demikian, kisah ini mempunyai tiga versi yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti berikut:

Versi Pertama

Versi pertama ini adalah versi rasmi Pemerintahan Brooke. James Brooke telah menerima berita bahawa terdapat satu aktiviti perlanunan berlaku di sepanjang Batang Sadong. 100 buah *bangkong* (perahu perang) turut serta dalam perlanunan tersebut. Ia diketuai oleh seorang Laksamana Melayu dari Saribas yang terdiri daripada orang Melayu dan Iban. Lebih seratus orang Melayu termasuk lelaki, wanita serta kanak-kanak telah menjadi korban. Manakala ramai lagi telah ditawan dan dijadikan *ulun* (hamba abdi). Aktiviti perlanunan itu telah disekat di Gedong. Gedong ketika itu telah siap sedia dengan segala pertahanan dan bersedia menunggu kedatangan lanun-lanun tersebut.

Versi Kedua

Versi ini adalah daripada cucu datuk yang telah terkorban di dalam peristiwa ini dan ianya telah direkodkan.

Berikutan perselisihan tersebut, orang Saribas telah memberi amaran akan *melanggar* (menyerang) Sadong, terutamanya Gedong. Waktu serangan telah ditetapkan, akan tetapi Datuk Patinggi Julak Ali serta 15 orang Gedong yang berhuma di Tanjong Penaga tetap berada di situ. Datuk Patinggi Ali beranggapan permusuhan tersebut bukan antara dia dengan orang Saribas, akan tetapi dengan Datuk Bandar Mohamad Kassim di Gedong. Mereka yang masih tinggal di Tanjong Penaga terdiri daripada Datuk Patinggi Julak Ali sendiri, isteri beliau Datuk Nerati, Tuanku Serib Sahab, dan 13 yang lain semuanya terdiri daripada kanak-kanak serta wanita. Penduduk Gedong lain yang berselerak berhuma, berkebun dan bekerja menangkap ikan di sepanjang Batang Sadong telah berkumpul di Gedong. Mereka telah membuat persediaan yang sangat rapi bagi menghadapi serangan musuh. Keperluan harian termasuk makanan telah disediakan dengan cukup untuk kecemasan pada masa serangan ataupun semasa kepungan. Persediaan peperangan telah dibuat, termasuk membuat kota, halangan di sungai dan meriam telah diletakkan di tempat-tempat yang strategik. Tempat-tempat yang dipilih untuk pertahanan adalah di Remis, Muara Gedong serta Ujud Bungin. Pendek kata, Gedong telah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dari serangan orang Saribas.

Musuh terdiri daripada orang Iban dan Melayu dari Batang Saribas, telah datang *melanggar* (menyerang) Sadong (Gedong) pada 1 Mac 1849. Mereka diketuai oleh seorang Laksamana Melayu dari sana dengan kekuatan

lebih daripada 100 buah bankong (perahu perang Iban) pahlawan-pahlawan Iban yang dipimpin oleh adik-beradik Penghulu Saji, Suntong dan Mingat.

Huma yang terletak di Tanjong Penaga dipagar dengan kayu yang *diunjam* (dipacak) rapat-rapat di dalam tanah dan *dilalit* dan *disimpei* (diikat) dengan rotan. Pagar ini memagari keseluruhan huma di situ merentasi dari sebelah hilir tanjung ke sebelah hulunya (*merencak* tanjung). Tujuan pagar dibina untuk menghalang binatang buas, terutamanya babi hutan dan rusa daripada memusnahkan tanaman. Pagar ini telah digunakan dengan sebaik-baiknya oleh musuh untuk memudahkan serangan mereka. Sebelum kedatangan musuh-musuh dari Saribas, mereka telah menghantar perisik, yang berlagak menziarahi saudara mara di situ. Beliau berpura-pura hendak memancing. Dalam pada itu, perisik tersebut telah berjalan serta meneliti pagar yang memagari huma merentasi tanjung. Ini bertujuan untuk memudahkan mereka membuat serangan kemudian kelak.

Satu dinihari (sebelum subuh), Khamis 1 Mac 1849 di Tanjong Penaga musuh telah mendarat di sebelah hilir pagar dan terus *melabat* (mengepung) kawasan tersebut hingga ke sebelah hulunya. Maka, terkepunglah orang di situ. Apabila kedatangan musuh diketahui, Datuk Patinggi Julak Ali telah mengarahkan Tuanku Serib Sahab untuk bertolak dengan perahu ke Gedong bagi memberi amaran awal. Walaupun dengan berat hati Tuanku Serib Sahab terpaksa juga pergi. Apabila serangan bermula, hanya Datuk Patinggi Julak Ali seorang saja yang berlawan dengan ratusan musuh. Gegak gempita bunyi pedang, tombak serta teriakan pihak yang berlawan. Seorang demi seorang musuh tumpas di tangan Datuk Patinggi Julak Ali yang kebal dan perkasa. Akhirnya Datuk Patinggi Julak Ali pun mabuk darah, dengan kata lain keletihan. Walaupun banyak terkena tikaman tombak serta pedang di badannya, Datuk Patinggi Julak Ali tidak juga cedera ataupun terkorban. Akhirnya, dia memberitahu pihak musuh supaya mengetuk batang hidungnya. Maka dibuat oleh musuh apa yang diberitahu oleh beliau, maka berakhirlah riwayat Datuk Patinggi Julak Ali, Pahlawan Tanjong Penaga, dan tamatlah pertempuran pada hari tersebut. Kepala beliau telah dipenggal. Akan tetapi diberitakan lebih 400 pihak musuh telah mati di tangannya, dan hanya Datuk Patinggi Julak Ali seorang sahaja terkorban di pihak Gedong.

Seterusnya pihak musuh telah pergi ke Gedong untuk membuat serangan, tetapi mendapati penduduk di sana telah bersedia dengan segala kelengkapan perang menanti

kedatangan mereka. Musuh hanya sampai di tanjung di sebelah hilir Gedong saja, dan telah membuat keputusan tidak akan menyerang Gedong kerana persediaan yang begitu rapi. Hujah mereka, jika seorang hulubalang Gedong boleh menumpaskan beratus-ratus orang rakan mereka, inikan pula ratusan pahlawan yang siap sedia untuk berjuang dengan kelengkapan yang begitu rapi. Tanjung tempat mereka menjenguk hingga kini dinamakan Tanjong Jenggok, sebab musuh hanya menjenguk Gedong dari tanjung tersebut sahaja. Dengan itu, terselamatlah Gedong daripada serangan musuh.

Manakala isteri Datuk Patinggi Julak Ali, Datuk Nerati telah ditawan dan dibawa ke Saribas untuk dijadikan *ulun*. Malangnya, Datuk Nerati dibawa dalam satu perahu bersama-sama dengan kepala suaminya. Di dalam perjalanan ke Saribas, beliau sempat membuang kepala suaminya ke dalam sungai di muara Jaie, ketika musuh leka seketika. Beliau tidak dijadikan *ulun* kerana ketua musuh (Pengulu Saji) telah terpikat dengannya dan mengajak beliau berkahwin. Akan tetapi, permintaan tersebut telah ditolak. Dengan itu, beliau telah ditempatkan di dalam hutan seorang diri dan makanan dihantar setiap dua minggu sekali. Nasib menyebelahi Datuk Nerati kerana dapat meloloskan diri ke Lingga, seterusnya ke Gedong. Kemudiannya, ke Sarawak untuk melaporkan peristiwa tersebut kepada James Brooke.

Versi Ketiga

Pada zaman dahulu di kawasan Sadong seperti Simunjan, Kampung Lubok Punggor, Kampung Gumpey, Kampung Tanah Puteh, Serian dan lain-lainnya, terutama sekali di Gedong, cerita mengenai peristiwa ini kerap kali diceritakan. Ia selalu diceritakan terutama kepada kanak-kanak semasa hendak tidur. Terdapat sedikit perbezaan di sana sini dari seorang pencerita kepada pencerita yang lain, tetapi jalan cerita adalah sama, iaitu mengenai hutang.

Datuk Bandar Mohamad Kassim di Gedong telah berhutang padi dengan sepupunya di Saribas. Sudah dua tahun menagih hutang tidak juga dibayar. Setiap kali sepupunya datang ke rumahnya di Gedong, setiap kali itu juga Datuk Bandar Mohamad Kassim akan turun ke tanah (dari rumah) lalu menghunus pedangnya mengajak sepupunya untuk berlawan. Pada tahun ketiga, sekali lagi sepupunya dari Saribas telah datang ke rumah Datuk Bandar Mohamad Kassim di Tanjong Penaga, berpura-pura untuk menziarahi keluarga di situ. Beliau berpura-pura

pergi mengail, tetapi sebenarnya meneliti serta membuat tinjauan keadaan pagar huma yang merentasi tanjung tersebut. Sekembalinya dari Tanjong Penaga ke Saribas, beliau pun menghantar surat menyatakan akan melanggar (menyerang) Gedong dalam jangka masa terdekat.

Penduduk di Gedong telah membuat persiapan yang sangat rapi untuk menghadapi serangan daripada orang Saribas. Kota-kota pun dibina, meriam-meriam ditempatkan di tempat yang strategik. Orang yang bertanggungjawab menjaga kota ini ialah Mas Kuta (Abang Anggok@Abang Manggok bin Datuk Bandar Mohamad Kassim). Halangan-halangan kayu telah dibina di tengah sungai di hadapan Ujud Bungin dan Muara Gedong. Salah satu kota telah dibina di Remis, yang merupakan barisan hadapan untuk menghadapi musuh.

Setelah menanti dari tarikh yang ditetapkan hingga beberapa lama selepas itu, maka kesiapsiagaan mereka mula dikurangkan kerana musuh tidak juga kunjung tiba. Oleh itu ada yang telah mula kembali ke tempat-tempat mereka berhuma dan bekerja, termasuklah mereka yang berhuma di Tanjong Penaga, Palei (di sebelah hilir Tegelam iaitu seberang Lubok Buntin), Empadei (sebelah hulu Lubok Punggor sekarang), Janggir serta Lubok Tamang.

Ketika musuh memudiki Batang Sadong, mereka menyerang penempatan orang Gedong di sepanjang Batang Sadong yang mereka lalui. Sebahagian daripada kumpulan kecil akan menyerang beberapa penempatan kecil di sepanjang Batang Sadong, manakala bahagian utama mereka meneruskan perjalanan untuk menyerang Tanjong Penaga dan kemudiannya, ke Gedong.

Di Palei dan Empadei mereka singgah dan menyerang penempatan tersebut. Beberapa ketika sebelum kedatangan musuh, penduduk di situ telah *berebong ngunjun* (melerai padi daripada tangkainya dengan dipijak-pijak) dan *nutok* (menumbuk) padi buat persiapan bekalan jika dikepung. Ketika mendengar musuh datang, orang di situ telah naik ke rumah tinggi. Tangga-tangga *umbang* tiga tingkat juga telah dinaikkan sama. Apabila musuh tiba, mereka telah dihujani oleh tombak serta peralatan perang lain yang dilancarkan dari rumah tinggi tersebut. Dengan itu, musuh telah menggunakan perahu *jalor* (perahu kecil diperbuat daripada sebatang pokok) untuk mengelak dari senjata-senjata yang dilancarkan dari rumah. Apabila musuh berada di bawah rumah, mereka mula menebang tiang-tiang tetapi disebabkan oleh tiang-tiang tersebut diperbuat

daripada kayu keras dan besar, maka usaha mereka gagal. Di samping itu, air yang telah dididihkan dicurah ke arah musuh yang berada di bawah rumah. Oleh kerana tidak berjaya menumbangkan rumah itu, maka musuh pun menebang pokok *raba* untuk menaiki rumah tinggi. Ketika

mangsa musuh.

Di Janggir, sekumpulan kecil musuh telah cuba menyerang penempatan itu. Nasib baik di situ ada Nek Saimah, srikandi Gedong. Enam ke tujuh orang musuh telah datang menyerang beliau. Dua, tiga musuh telah kecundang



hampir berjaya menumbangkan pokok *raba*, musuh pun kembali semula ke perahu mereka disebabkan air sudah *anjor* (air surut yang hampir-hampir hendak pasang), dan mereka hendak meneruskan misi mereka ke hulu sungai. Maka, terselamatlah penduduk di situ daripada menjadi

di tangannya. Manakala yang lain telah melarikan diri dalam ketakutan. Penempatan di Lubok Tamang juga telah diserang dan semua orang di situ telah tertewas.

Di kota Remis, pengawal-pengawal telah melihat musuh menjenguk Gedong dari Tanjung Jenggok. Maka

hulubalang-hulubalang telah dihantar ke Tanjong Jenggok untuk menentang musuh di sana, sebelum mereka tiba di Gedong. Ramai musuh tewas di tangan mereka sehingga mayat-mayat bergelimpangan dan setelah dihanyutkan arus serta terkumpul di satu tempat hingga merebak dengan banyak di sebelah hilir Tanjong Jenggok, maka tempat tersebut dinamakan Tebak. Musuh hanya sampai ke Tanjong Jenggok dan tidak sampai ke Gedong. Mereka berundur dari situ setelah digempur oleh orang Gedong di Tanjong Jenggok. Oleh yang demikian, terselamatlah Gedong daripada serangan musuh daripada orang Saribas.

Manakala di Tanjong Penaga lain pula ceritanya. Musuh datang dengan mengejut. Penduduk di situ tidak bersedia dengan sepenuhnya. Tambahan pula, ramai orang lelaki yang tegap tubuh badan mereka tiada di penempatan itu. Ada yang sedang mengikuti pesta menuba ikan di hulu Gedong. Diceritakan seorang pahlawan yang bergelar datuk (Datuk Patinggi Julak Ali) sempat mengumpul serta membawa isterinya, seorang anak kecilnya dan dua orang suruhannya untuk melarikan diri ke dalam hutan. Seorang suruhan membawa bekalan dan seorang lagi membawa anak kecil datuk tersebut. Ramai orang lain telah dijadikan mangsa oleh musuh. Mereka berlima terpaksa *merejok* (melompat) pagar untuk bersembunyi di dalam hutan.

Setelah agak lama, baru mereka bertiga sedar yang isteri Datuk tersebut serta anak kecil yang diikat di belakang salah seorang suruhan tersebut sudah tiada. Ketika itu, baru mereka sedar yang kedua-duanya telah ditawan musuh ketika mereka *merejok* (melompat) pagar sebelum itu. Mereka bertiga pun berpatah balik ke huma di Tanjong Penaga. Ketika mereka berjalan dengan pantas melintasi batang kayu besar yang berlubang mereka ditegur oleh orang yang sedang bersembunyi di dalamnya. “*Siney kitak tiga tuk?*” “*Kamek nak perang sabel,*” jawab mereka. Dia memberitahu ada musuh di hadapan, tetapi mereka bertiga tidak peduli dan terus *berkaut* (berwuduk) di *pungkar* (takungan air di tempat bekas akar pokok yang tumbang) tempat orang bersembunyi. Seterusnya, mereka bertiga terus ke pangkalan untuk berdepan dengan musuh. Orang ini menjadi saksi apa yang berlaku seterusnya.

Setibanya di pangkalan, mereka mendapati musuh telah menaiki perahu-perahu dan sedang berada di tengah sungai. Mereka bertiga pun melambai-lambai memanggil musuh. Pada mulanya musuh tidak peduli dengan mereka, akan tetapi setelah mereka dicabar maka musuh-musuh

pun berpatah balik ke pangkalan. Maka, berlakulah pertarungan yang hebat antara Datuk serta dua orang suruhannya melawan beratus-ratus orang musuh. Begitu ramai sekali musuh tewas di tangan mereka bertiga, namun masih ramai juga musuh yang datang. Akhirnya mereka bertiga pun mabuk darah (kepenatan yang teramat sangat). Maka Datuk tersebut telah memancung kepala kedua-dua orang suruhannya. Tinggallah Datuk tersebut seorang diri dan dia pun ditawan musuh. Tetapi musuh masih gagal membunuhnya, maka beliau mengarahkan supaya batang hidungnya *dipangkong* (diketuk) jika ingin membunuhnya. Maka dibuatlah seperti apa yang disuruh. Dengan itu berakhirlah riwayat Pahlawan Tanjong Penaga ini bersama-sama dengan dua orang *ulunya*. Musuh tidak berjaya *mumpong* (penggal) kepala Datuk tersebut. Ini disebabkan ilmu kebalnya. Disapu minyak babi untuk membuang kebal, barulah kepalanya dapat *dipumpong*. Berakhirlah pertempuran di Tanjong Penaga pada hari tersebut.

Kisah ini telah disaksi serta diceritakan oleh dua orang saksi. Pertamanya oleh orang yang bersembunyi di dalam lubang kayu serta menegur Datuk dan dua orang *ulunya*. Manakala seorang lagi saksi ialah seorang ibu yang beberapa hari baru sahaja melahirkan anak. Ibu ini bersembunyi di dalam rimbunan *tuba dudok* (sejenis pokok renek terdapat di kawasan paya) di hujung (hadapan) *jungkar* (tempat menjemur padi). Ketika serangan dan pertempuran berlaku di antara musuh dengan kumpulan Datuk dan dua orang suruhannya, dia dapat menyaksikannya, melalui celah daun-daun *tuba dudok*. Setiap kali bayinya mahu menangis, beliau akan menyusukan bayi tersebut. Perkara tersebut dilakukannya sehingga peristiwa pertempuran selesai dan musuh telah berundur. Hanya tiga orang ini yang terselamat dalam peristiwa berdarah itu.

Daripada peristiwa tersebut beberapa orang telah ditawan untuk dijadikan *ulun* dan dibawa ke Saribas. Antara mereka adalah isteri serta anak kecil Datuk tadi, dijadikan *ulun*. Selain itu, mereka juga ditemani oleh dua orang Dayak Sebuyo yang juga dijadikan *ulun*. Di Saribas, mereka berempat ditugaskan untuk menumbuk padi dari satu rumah panjang ke satu rumah panjang lain di sepanjang Batang Saribas. Dari hilir ke hulu dan ke hilir semula. Mereka diberikan sebuah perahu *jalor* untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Bertahun-tahun mereka membuat pekerjaan itu. Mereka telah merancang dan

dapat melarikan diri dengan menaiki perahu *jalor* menyeberangi Batang Lupar. Mereka telah dijumpai oleh orang Sebuyo ketika isteri Datuk Patinggi sedang mengambil air untuk diminum oleh anaknya yang haus di tengah-tengah kuala Batang Lupar. Dibuatnya lingkaran rotan, diletak ke permukaan air kuala dan air di tengah (dalam) lingkaran itu menjadi tawar dan dapat diminum, walaupun air di luar lingkaran masin. Mereka telah dibawa berjumpa dengan Dang Ajar dan Dang Isa, iaitu ketua di Lingga. Orang Sebuyo telah diarah oleh Dang Ajar dan Dang Isa untuk memerhati pergerakan orang Saribas. Setiap masa, ada dua buah perahu dihantar oleh orang Sebuyo untuk tujuan intipan ini. Sebenarnya, pembesar-pembesar di Gedong telah memohon bantuan ini daripada Dang Ajar dan Dang Isa. Anak Datuk Patinggi Julak Ali dan emaknya, Datuk Nerati telah dihantar ke Gedong; manakala dua orang Sebuyo telah dikembalikan ke tempat asal mereka.

Sepanjang *pengayauan* (ekspedisi perlanunan) di Batang Sadong lebih daripada 100 orang Sadong telah menjadi korban. Manakala lebih 100 orang telah ditawan dan dibawa balik ke Saribas untuk dijadikan *ulun*. Mangsa-mangsa yang telah terkorban yang berasal dari Gedong dikebumikan di dalam sebuah kubur panjang di Tanah Perkuburan Mayong di Gedong. Sebiji buah kelapa dikebumikan bersama-sama dengan setiap jasad untuk menggantikan kepala-kepala mangsa. Ini disebabkan semua kepala mangsa telah dipenggal dan dibawa balik oleh pihak musuh sebagai trofi.

Ekoran daripada itu, satu ekspedia perang telah dilakukan oleh Raja Brooke dengan bantuan tentera laut British serta orang Lundu, Sarawak, Samarahan dan Sadong. Dari Gedong (Batang Sadong) sebanyak 50 perahu penuh dengan hulubalang turut serta di dalam

ekspedisi tersebut. Peristiwa ini dikenali sebagai Peristiwa Pertempuran Beting Maru (terletak antara muara Batang Kelaka dengan Batang Saribas). Seramai 300 orang musuh terbunuh semasa pertempuran, manakala 500 orang mati kemudiannya akibat kecederaan dalam pertempuran itu. Peristiwa ini berlaku pada malam 31 Julai 1849 dan awal pagi 1 Ogos 1849, ketika bulan terang.

Salah seorang daripada hulubalang dari Gedong yang turut serta dalam peristiwa ini adalah Gambong bin Bana. Ketika pertempuran Beting Maru, Gambong bin Bana telah terjatuh ke dalam laut. Lalu rambutnya dipegang dan ditarik oleh musuh untuk *dipumpong* (penggal) kepalanya. Mujurlah, ketika di dalam kegawatan itu sikunya terhantuk dengan hulu pedang yang terikat di pinggangnya. Barulah beliau tersedar bahawa beliau ada senjata untuk melawan. Lalu dihunusnya pedang tersebut dan *dicacak* (dirodok) ke arah perut musuh yang sedang memegang rambutnya. Jadi terselamatlah Gambong bin Bana daripada *dipulak* (penggal) kepala. Diberitakan (terlalu banyak) *berkelayak-kelayak* (tikar) kepala musuh *dipumpong* (penggal) oleh orang Dayak yang menyertai Brooke dalam kempen tersebut. Orang tua-tua di Gedong pernah menceritakan, kalau pada malam-malam hari, jika melalui rumah tempat menyimpan pedang Gambong bin Bana itu, dan ketika tuan rumah tiada di rumah, maka akan kedengaran riuh rendahlah bunyi orang berperang. Gambong bin Bana memang *gambong* (gagah) orangnya, kerana sentiasa siap sedia untuk berlawan tanpa perasaan takut dan gentar dengan sebarang cabaran. Yang menghairankan salah seorang daripada hulubalang dari Saribas yang tewas susulan dari peristiwa ini ialah Abang Gambong bin Datuk Abang Ahmad yang terkorban dalam pertempuran dengan Pasukan Brooke di Paku pada 3 Ogos 1849.

